



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: 'Scammer' semakin pintar: Elak jadi mangsa  
Publication/Portal: Harakah Daily  
Date: 10 January 2020

Language: Malay  
Section: -  
Page: -

## 'Scammer' semakin pintar: Elak jadi mangsa



**SABAN** hari penipu siber atau lebih dikenali sebagai *scammer* semakin pintar dalam menipu para pengguna yang naif. Para pengguna bagaikan dipukau oleh para *scammer* dengan begitu mudah. *Scammer* kini menggunakan kaedah yang lebih canggih seperti menggunakan peralatan elektronik yang lebih sofistikated untuk mendapatkan maklumat peribadi mangsa dan seterusnya memperdayakan mereka tanpa disedari oleh mangsa.

Kebelakangan ini, mangsa *scam* ini merangkumi pelbagai golongan masyarakat, bukan sekadar pesara tetapi juga profesional, penghibur dan sebagainya. Pasti ada ramai lagi yang sudah diperdaya namun mereka tidak melaporkan kepada pihak berkuasa kerana bimbang akan keselamatan mereka atau malu untuk melaporkannya.

Ada juga mangsa yang tidak mahu melaporkan kepada pihak polis kerana bimbang mereka akan dihadapkan ke muka pengadilan oleh pihak berkuasa tertentu.

Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), Datuk Seri Mohd Zakaria, para

mangsa kehilangan sejumlah RM2 bilion setiap tahun kepada para *scammer*. Penipuan ini melibatkan pelbagai *scam*. Sebanyak 5,123 kes telah dilaporkan kepada pihak polis.

Salah satu punca utama penipuan ini adalah kebocoran data peribadi. Kebocoran data peribadi ini mungkin disebabkan data tersebut dijual oleh pihak kedua atau ketiga. Namun ada juga data yang didedahkan oleh para mangsa itu sendiri.

Ramai orang yang mendedahkan data peribadi mereka dalam media sosial seperti *Facebook* atau *Instagram*. Misalnya, gambar peribadi, nombor kad pengenalan, gambar rumah, gambar percutian, nombor kereta, tarikh lahir dan sebagainya. Data-data ini boleh digunakan oleh para *scammer* untuk tujuan menipu.

Di Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC), kami ada menerima banyak aduan. Ramai yang terjerat dengan *Macau Scam*, *scam* pekerjaan, *scam* cinta dan sebagainya. Kes-kes sedemikian, pihak NCCC akan mengarahkan para pengadu supaya melaporkan kepada pihak polis.

Sepanjang tahun 2018, NCCC telah menerima sebanyak 20.6 peratus daripada 10,615 yang melibatkan kes *scam* atas talian. Kebanyakan kes yang dilaporkan adalah berkaitan dengan laman web palsu.

Para *scammer* menggunakan peralatan yang canggih untuk membentuk dan menghasilkan laman web yang begitu cantik yang mudah memperdaya para mangsa. Dengan grafik yang begitu cantik, para pengguna mendapati sukar untuk membezakan antara laman yang sebenar dan palsu. Dengan kaedah ini, ramai yang mudah terperdaya untuk membeli barangan dari laman tersebut.

Langkah yang perlu dibuat oleh para pengguna sebelum membeli barangan dari laman laman web seperti *Facebook* dan sebagainya adalah memeriksa dengan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Para pengguna perlu mengesahkan dengan SSM sama ada syarikat yang mereka ingin berurus niaga adalah syarikat yang sudah berdaftar dengan SSM.

Langkah kedua adalah untuk mereka melayari laman web yang telah disediakan oleh JSJK. Melalui laman web tersebut, para pengguna boleh mengesahkan nombor akaun bank itu adalah milik syarikat tersebut dan memeriksa sekiranya ada sebarang laporan yang telah dibuat tentang pemilik akaun tersebut. Layari laman (<http://ccid.rmp.gov.my/semakmule>).

Para pengguna harus menggunakan kebijaksanaan mereka untuk memastikan mereka menyelidiki sebelum membuat keputusan untuk berurus niaga. Mereka juga perlu tahu bahawa urusan yang berkait dengan wang perlu dibuat dengan teliti.

Jangan menjadi tamak semata-mata ingin memiliki kekayaan seperti kata pepatah Melayu, 'Yang dikejar tak dapat, Yang dikendong kecikiran'. Begitu juga sekiranya anda mendapat panggilan dari 'pihak berkuasa' yang menyatakan bahawa anda mempunyai saman atau denda yang perlu dibayar supaya anda tidak ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah.

Ramai yang terperdaya dengan panggilan *scam* ini. Langkah yang terbaik adalah untuk pergi terus ke pihak berkuasa tersebut untuk mendapatkan kepastian sekiranya benar atau tidak anda pernah melakukan kesalahan yang 'disabitkan'. Untuk makluman para pengguna pihak berkuasa tidak akan menghubungi pesalah melalui talian telefon.

Ada juga panggilan dari pihak bank yang menyatakan anda mempunyai hutang kad kredit atau pinjaman yang belum dibereskan. Anda perlu menjelaskan hutang tersebut kalau tidak anda akan disenarai hitamkan dan diisytihar muflis. Langkah yang paling baik adalah untuk terus berurusan dengan pihak bank tersebut di mana-mana cawangan terdekat.

Untuk mengelakkan diri dari menjadi mangsa kepada *scammer*, adalah lebih baik kita sebagai pengguna melengkapkan diri dengan segala pengetahuan sejajar dengan peredaran masa. Dengan kemunculan alam siber yang semakin canggih, kita juga perlu lebih pintar. Sekiranya ada panggilan dari *scammer*, sebelum mengambil sebarang tindakan, adalah lebih baik kita membuat usul periksa dan penyelidikan tentang panggilan tersebut. Jangan panik dan takut.

Anda perlu bincang dengan ahli keluarga atau rakan taulan dan dapatkan pandangan mereka. Bersama-samalah kita membendung angkara para *scammer* ini dengan menjadi lebih pintar dari mereka.

**BASKARAN SITHAMPARAM**

Pusat Khidmat Aduan Pengguna Kebangsaan (NCCC)

**DIPETIK DARI:** <http://www.fomca.org.my/v1/index.php/fomca-di-pentas-media/792-fomca-scammer-semakin-pintar-mr-s-baskaran-nccc> – HARAKAHDAILY 10/1/2020

**PENAFIAN:**

*HarakahDaily* tidak bertanggungjawab terhadap pandangan yang dikemukakan daripada artikel ini. Ia pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya menggambarkan pendirian *HarakahDaily* mahupun pendirian rasmi PAS. Segala risiko akibat penyiaran ini menjadi tanggungjawab penulis sendiri.